

Media Title : Utusan Borneo Sarawak
Headline : Keldai akaun didenda RM200 kerana miliki wang secara tidak sah
Date : 4 April 2023
Section : Tempatan
Page : 7



Keldai akaun didenda RM200 kerana miliki wang secara tidak sah

KUCHING: Seorang keldai akaun dijatuhki hukuman denda RM200 selepas lima hari penjara oleh Mahkamah Majistret di sini kerana kesalahan memiliki wang RM1,300 secara tidak sah.

Hukuman itu dijatuhkan Majistret Zaiton Anum terhadap pemuda berusia 20 tahun dari Kampung

Sibau Rimbau, Simunjan itu setelah meneliti laporan sosial dikemukakan oleh pihak Jabatan Kebajikan Masyarakat semalam.

Terdahulu, pesalah muda itu mengaku bersalah apabila didakwa mengikut Seksyen 37(1) Ordinan Kesalahan-Kesalahan Kecil 1958 Sarawak.

Mengikut kesalahan ini, dia

boleh dikenakan hukuman penjara sehingga tiga bulan dan denda sehingga RM500 jika sabit kesalahan.

Berdasarkan pertuduhan, pesalah mudai dituduh telah memiliki wang berjumlah RM1,300 di dalam akaun bank miliknya yang diperolehi secara tidak sah pada 30 Disember 2022, sekitar jam

7.09 malam di sebuah premis bank di Satok, di sini.

Fakta kes mendedahkan pemilik wang tersebut (pengadu) membuat laporan polis setelah berasa dirinya ditipu berhubung pinjaman wang secara dalam talian yang tidak wujud.

Pengadu juga telah diarahkan untuk membuat

bayaran secara dalam talian berjumlah RM1,300 ke atas akaun nama pesalah muda sebelum mendapatkan wang berkenaan.

Bagaimanapun sehingga laporan polis dibuat, pengadu tidak mendapat pinjaman seperti yang dijanjikan malah nombor telefon pengadu telah disekat.

Difaharkan, pesalah muda itu telah menyewakan kad ATM miliknya kepada seorang lelaki lain untuk mendapatkan habuan sebanyak RM100.

Pendakwaan dilakukan Pegawai Pendakwa Inspektor Merylene Lindan Andrew Mang sementara pesalah muda itu tidak diwakili peguam.